

AKHBAR : **Bernama.Com**  
TARIKH : 17 September 2024  
SENTIMEN: Positif

MUKA SURAT: Online  
HARI : Selasa



**B MREM**  
BERNAMA

English Version

Laman Utama  
Tentang MREM  
Tentang Asianet

Nota Kepada Editor  
Brosur  
Arkib  
Hubungi Kami  
Peta Laman  
FAQ  
Maklum balas  
Pautan

September 21, 2024 -Sabtu

**Siaran Media**

**FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA @ KUALA LUMPUR 2024 DAN PELANCARAN SENAM SENI 2.0 MEMERIAHKAN DATARAN MERDEKA**

Tuesday 17/09/2024

MREM adalah sebuah perkhidmatan pengedaran siaran akhbar profesional oleh BERNAMA, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia, sebuah pembekal kandungan berita yang terkemuka kepada media tempatan dan



*Gimik pelancaran yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya semasa Majlis Perasmian Festival Permainan Malaysia@Kuala Lumpur 2024 Dataran Merdeka.*

# **FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA @ KUALA LUMPUR 2024 DAN PELANCARAN SENAM SENI 2.0 MEMERIAHKAN DATARAN MERDEKA**

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKN WPKL) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Sukan Tradisional Malaysia menganjurkan Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2024 bermula 13 hingga 16 September 2024 (Jumaat-Isnin) bertempat di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Majlis Perasmian Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2024 telah diadakan pada 15 September 2024 (Ahad) jam 8.30 pagi di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama YB. Dr. Zaliha bt Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Festival Permainan Malaysia @ Kuala Lumpur 2024 atau ringkasnya FPM@KL 2024 merupakan acara dibawah Kalendar Pelancongan Budaya yang diadakan setiap tahun bagi mengenengahkan keunikan seni budaya negeri. Seramai 2378 peserta terdiri daripada badan beruniform sektor korporat dan terbaharu institusi pengajian tinggi terlibat di dalam pertandingan permainan tradisional sempena FPM@KL 2024 Program yang telah memasuki sembilan (9) tahun penganjuran dan berkonsepkan festival yang merangkumi pelbagai aktiviti dan pengisian seperti pertandingan permainan tradisional, permainan interaktif, pameran dan demonstrasi, persembahan serta jualan dan banyak lagi. Sebanyak 738 orang mewakili badan beruniform sektor korporat dan 738 mewakili institusi pengajian tinggi terlibat dalam 10 pertandingan sukan tradisional yang dipertandingkan iaitu tarik tali tradisional, galah panjang, tuju tin, batu seremban, sepak raga ratus, bola sepak kain sarung, kelereng, terompah gergasi, menyempit dan memanah tradisional. Selain pertandingan permainan tradisional antara badan beruniform dan sektor korporat, pengisian lain yang turut memeriahkan FPM@KL 2024 adalah Permainan Lagenda Rakyat seperti terompah gergasi, susun bata, kaki hantu, kereta sorong, lari dalam guni berkembar, tarik upih pinang, kelereng, tuju tin, bola beracun dan raja dijulang. Selain itu terdapat juga aktiviti Memanah Tradisional Interaktif dan Menyempit, Pertandingan Lastik Terbuka KL, pameran, jualan produk dan demonstrasi permainan dari negeri Sabah dan Sarawak serta demonstrasi permainan tradisi masyarakat Orang Asal iaitu kercang. Sebanyak 30 unit Food Truck yang menyajikan pelbagai menu menanti para pengunjung yang hadir Penganjuran FPM@KL 2024 seperti sebelumnya turut menampilkan acara bertaraf dunia iaitu Kejohanan Tarik Tali Kelab-Kelab Antarabangsa yang diselaraskan oleh Persatuan Tarik Tali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setakat ini kelab-kelab dari negara Brunei, Taiwan dan Singapura telah mengesahkan penyertaan dalam acara ini. Manakala sebanyak 60 kelab tempatan daripada seluruh Malaysia akan turut serta. Pada tahun ini juga, beberapa acara baharu telah diperkenalkan seperti Pertandingan Tarian Singa, Geng Solat Subuh Macam Jumaat di bawah penyelarasan Olive House dan Masjid Jamek Kuala Lumpur, Pertandingan Catur Cina, Pasar Saloma dan Kuala Lumpur Cinta Rasul sempena Maulidur Rasul 1446H. Festival kali ini juga turut melibatkan pelancaran Senam Seni 2.0 iaitu modul baharu senam seni yang merupakan senaman hasil inisiatif daripada JKKN menggunakan kaedah gerak tari yang telah diperkenalkan pada tahun 2008 dimana kali ini melibatkan penyertaan lebih 1000 orang peserta dari kumpulan dan persatuan mewakili bidang kecergasan. Senam Seni 2.0 juga telah mendapat pengiktirafan Persatuan Sukan Kecergasan Malaysia (MAFA) manakala gerak dan muzik Senam Seni 2.0 juga telah didaftarkan sebagai harta intelek melalui MYIPO. Antara perkara yang ditambah baik adalah dari segi durasi masa, dimana Senam Seni 2.0 hanya berdurasi selama 18 minit berbeza dengan Senam Seni Malaysia selama 30 minit dan secara keseluruhan gerakan 70% kecergasan dan 30% gerakan seni. Pelancaran Senam Seni ini turut menampilkan Selebriti dan Artis tersohor negara iaitu Izzue Islam, Mimi Fly, Nur Dhabitah Sobri dan Kevin Zahari. FPM@KL 2024 mendapat sokongan

yang padu lebih daripada 40 rakan kerjasama dan juga penaja-penaja. “Selain bertujuan menyemarakkan permainan tradisional dan sukan rakyat pelbagai kaum di Malaysia, besar harapan saya agar FPM@KL terus menjadi acara tahunan negara dalam mengangkat dan memulihara keunikan kesenian serta kepelbagaian warisan tradisi rakyat Malaysia. Selain itu juga, penganjuran festival ini diharap dapat menyediakan peluang penjanaan pendapatan kepada usahawan seni budaya dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat serta membantu NGO seni budaya melalui acara sebegini.” Ulas Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam kenyataannya. Maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari facebook JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](https://www.facebook.com/mysenibudaya) Bersama ini dikemukakan pautan gambar pengisian untuk makluman [https://drive.google.com/drive/folders/16PYclGKc\\_FJiJW4MkJenHBc-RWhLB\\_3Y?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/16PYclGKc_FJiJW4MkJenHBc-RWhLB_3Y?usp=sharing) LAMPIRAN Sebanyak sembilan (9) pasukan bagi kategori badan beruniform menyertai FPM@KL 2024 terdiri daripada johan keseluruhan tahun 2023 iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis diRaja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Majlis Sukan Angkatan Tentera dan Perbadanan Putrajaya. Manakala 11 penyertaan akan berentap bagi kategori korporat terdiri daripada Malaysia Airport Berhad, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, RHB Bank Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Negara Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Perkeso, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Etiqa Takaful dan Kelab Sukan dan Rekreasi Petronas. Pada tahun ini, terdapat satu kategori baharu yang diperkenalkan iaitu kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sebanyak sembilan (9) IPT terlibat kali ini terdiri daripada Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Help Universiti, Asia Pasifik Universiti, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, Management and Science University dan Kolej Poly-Tech Mara. Bagi membangkitkan semangat sambutan Hari Malaysia dan FPM@KL, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut mengadakan Festival Gendang dan Tari Antarabangsa (GENTA) pada 14 September 2024 jam 8.00 malam di Dataran Merdeka. Acara ini akan melibatkan pengisian persembahan tarian dan gendang daripada 10 Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia serta penglibatan peserta dari negara Indonesia, Thailand, Singapura dan Filipina. Selain itu, turut diadakan adalah Kejohanan Gasing Pangkah, Pertandingan Kabaddi Terbuka Malaysia, Kejohanan Seni Silat Kreatif Berkumpulan yang bakal melibatkan persembahan daripada peserta negara Brunei Darussalam dan Thailand, Pesta Citarasa Sambal, Eksplorasi Bahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, persembahan Diabolo Kuala Lumpur, Senam Joget P Ramlee dan Saloma, Baca Puisi Suara KL, KL X Urban Challenge wall climbing , Larian Nusantara, senaman kecergasan, Agro Madani oleh FAMA Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pertandingan Bintang Asli Remaja Kebangsaan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786 Laman Sesawang [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) E-mel [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my) Platform Media Sosial Rasmi JKKN: Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya SUMBER: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI: Nama: Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095 Emel: [mazidah@jkkn.gov.my](mailto:mazidah@jkkn.gov.my) Nama: Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805 Emel: [eldawati@jkkn.gov.my](mailto:eldawati@jkkn.gov.my) --BERNAMA.

[20240917 N60 W0032 ZZ 0 FC festival~permainan~malaysia~~~kuala~lumpur~2024~da  
n~pelancaran~senam~seni~2~0~memeriahkan~dataran~merdeka](#)